

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BERTULIS**

DARIPADA : **TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM**
[SUNGAI SIPUT – PKR]

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah Kementerian bagi membangunkan infrastruktur sukan di kawasan luar bandar untuk dimanfaatkan oleh masyarakat setempat. Apakah Kerajaan akan mempertimbangkan permohonan menaik taraf padang bola Sungai Buloh, Sungai Siput sebagai mini stadium.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan mengambil maklum mengenai perkara ini dan sedang dalam semakan fasiliti-fasiliti sukan yang terlibat untuk tujuan naik taraf untuk disesuaikan dengan keperluan aktiviti masyarakat setempat. Pada waktu ini Kementerian tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menaik taraf padang bola Sungai Buloh, Sungai Siput sebagai mini stadium. Namun begitu, Kementerian sedia meneliti permohonan untuk menaik taraf padang bola sepak kepada mini stadium tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan pada masa hadapan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Belia dan Sukan akan terus menyediakan platform untuk menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat serta menyatupadukan rakyat. KBS akan membuat pengagihan pembinaan fasiliti dan kemudahan sukan ini secara menyeluruh, terutamanya di kawasan yang langsung tiada kemudahan dan fasiliti sukan. Untuk makluman YB, terdapat sebanyak 60 kemudahan sukan sedia ada di Sungai Siput merangkumi 45 buah dewan serbaguna, 3 buah gelanggang *multisport*, 7 buah gelanggang futsal, 2 buah dewan badminton, 1 buah Padang MPKK, 1 buah Dewan MPKK dan 1 buah Kompleks Rakan Muda. Sekian, terima kasih.